

Date : 22nd September 2022
Our Reference : Z/LCZA/GL/0493
Your Reference : Please Advice
Office Hour : Mon - Fri (9.00am-5.00pm)

Please quote our reference when replying

KENYATAAN MEDIA BEKAS KETUA JURULATIH SARAWAK UNITED FOOTBALL CLUB

Merujuk kepada hebahan media Malaysian Football League (**MFL**) bertarikh 22 September 2022 berkaitan dengan isu tunggakan gaji kepada pemain dan pegawai Sarawak United Football Club (**SUFC**) yang menyatakan secara jelas bahawa SUFC telahpun menjelaskan semua bayaran gaji tertungggak kepada pemain sehingga Ogos 2022 dan pegawai pasukan sehingga Julai 2022.

Saya dengan ini menafikan bahawa SUFC telahpun berjaya menyelesaikan kesemua bayaran sepertimana yang dinyatakan di dalam hebahan media tersebut.

Umum mengetahui bahawa saya telahpun menamatkan kontrak atas persetujuan bersama SUFC pada 12 Jun 2022 atas faktor kesihatan. Berikutan dengan penamatan kontrak tersebut saya telahpun menuntut kepada SUFC berkenaan tunggakan pembayaran antara lainnya seperti berikut:-

- a) Kekurangan bayaran gaji bagi tahun 2021;
- b) Tunggakan bayaran gaji bulan Februari 2022 sehingga Jun 2022 (5 bulan);
- c) Kekurangan bayaran LHDN.

Ketika mendapatkan rawatan kesihatan saya mendapat tahu bahawa tiada sebarang polisi insurans yang dicarumkan di atas nama saya sehingga menyebabkan saya terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri bagi menampung pembayaran kos rawatan di Hospital. Kos ratusan ribu terpaksa ditanggung saya sendirian.

Pada masa yang sama, SUFC tidak memberikan sebarang maklum balas atas tuntutan saya sehingga saya terpaksa melantik peguam untuk meneruskan tindakan perundungan terhadap SUFC sebagai langkah akhir untuk menegakkan hak saya sepertimana yang telah termaktub di dalam kontrak.

Saya menggesa pihak MFL untuk membuat satu siasatan lanjut terperinci kepada SUFC kerana gagal untuk memberikan fakta-fakta sebenar berkaitan dengan keberhutangan SUFC kepada MFL kerana saya tidak pernah menandatangani mana-mana surat persetujuan untuk menerima pembayaran secara ansuran dan sehingga kini tuntutan saya masih belum dijelaskan secara penuh oleh SUFC.

Sekian, terima kasih.

B. Sathianathan